

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Ko-Kurikulum
Sent: Thursday, 3 November, 2016 11:47 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PERSARAAN: TERIMA KASIH PUAN KU AZIZAH KU ABDUL



Pusat Kokurikulum

CO-CURRICULUM CENTRE

Universiti Utara Malaysia



03 NOVEMBER 2016 / 03 SAFAR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Yang Berbahagia Dato' Seri/Datin Seri/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan/Saudara/i:

Pengarah & seluruh warga Pusat Kokurikulum ingin mengucapkan ribuan 'TERIMA KASIH' dan 'SELAMAT BERSARA' kepada Puan Ku Azizah Ku Abdul di atas perkhidmatan dan jasa beliau kepada Pusat Kokurikulum khususnya dan Universiti Utara Malaysia amnya.

"TERIMA KASIH PUAN KU AZIZAH KU ABDUL"

Berikut adalah ucapan khas beliau kepada semua warga UUM sempena persaraan beliau:



"Assalamualaikum w.b.t

Buat semua rakan2 yang mengenali diri Kak Zah.

Untuk makluman, Kak Zah akan mula bercuti rehat pada 8 November 2016 dan akan menghadiri kursus peralihan sebelum bersara selama 3 bulan sehinggalah Kak Zah menempuh alam persaraan wajib pada 27 Februari 2017. Justeru itu, dikesempatan ini Kak Zah dengan rendah hati menyusun sepuluh jari memohon berjuta kemaafan atas segala kesilapan, kesalahan atau kekasaran bahasa yang tidak disengajakan terhadap rakan-rakan semuadi sepanjang tempoh perkhidmatan kak zah bekerja di UUM ini, juga mohon halalkan makan minum yang diberi. Sesungguhnya yang baik itu datang dari Allah dan yang buruk itu datang dari kelemahan diri Kak Zah sendiri.

Ku Azizah Ku Abdul nama dikenali

16 Jun 1984 melapor diri

No. Pekerja 60 UUM beri

Syukur Alhamdulillah rezeki di sini

32 tahun perkhidmatan ku kini

Tibalah masanya ku undur diri

Kalau ada sumur di ladang

Bolehlah saya menumpang mandi

Kalau ada umur yang panjang

Boleh lah kita berjumpa lagi

Buah pauh delima batu

Anak sembilang di tapak tangan

Walau jauh di negeri satu

Hilang di mata di hati jangan

Wahai teman wahai sahabat sejati

Sayu sungguh terasa di hati

Hendak berpisah membawa diri

Salah silap harap dimaafi

Sekian. Wassalam.

TERIMA KASIH UUM”

Kepada tuan/puan yang ingin menghubungi beliau, boleh
hubungi nombor telefon 017-5372640

Habis.

=====

DARIPADA:
PUSAT KOKURIKULUM
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3506
FAKS: 04-928 3502

